

04 JUL 2002

Majlis-Raja (Bergambar)

RAJA-RAJA SETUJU PERAKUAN MAJLIS AGAMA MENGENAI MEMO PUM

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Majlis Raja-Raja mahu pihak yang berwajib mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menghadapi isu-isu yang boleh mencemarkan kesucian Islam.

Langkah-langkah itu hendaklah diambil melalui peraturan sedia ada dan pendekatan berhikmah sebagaimana yang diajar oleh Islam, menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang dikeluarkan selepas Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang ke-194 yang berakhir di Istana Negara hari ini.

Kenyataan itu berkata antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah berhubung Memorandum Persatuan Ulama Malaysia (PUM) mengenai tuduhan menghina Islam dan memperkecilkan Nabi Muhammad dan ulama oleh penulis dan media.

Kenyataan itu berkata Majlis Raja-Raja bersetuju menerima perakuan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam dan menasihati mereka yang terlibat bahawa walaupun mana-mana pihak digalakkan untuk menyuara, menulis dan menyiar apa-apa pandangan mengenai Islam, ia hendaklah secara berhati-hati dan tidak mencemari kesucian Islam sama ada daripada segi aqidah, syariah dan akhlak.

Sesiapa yang terlibat dalam perkara yang negatif itu hendaklah menghentikannya dengan serta-merta, kata kenyataan itu.

Mesyuarat dua hari itu, yang dipengerusikan oleh Sultan Terengganu, turut membincangkan perkara berkenaan keselamatan negara, pelantikan termasuk pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berangkat menghadiri mesyuarat itu pada hari kedua hari ini.

Seri Paduka telah diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NJ AZZ NMO